



UMP catat kejayaan besar di Pertandingan Inovasi, Ciptaan dan Reka Bentuk Peringkat Kebangsaan

Universiti Malaysia Pahang (UMP) mencatat kejayaan apabila meraih 100 peratus kemenangan dengan memenangi anugerah khas bagi ruang pameran terbaik, dua pingat emas, tiga pingat perak dan satu pingat gangsa di Pertandingan Inovasi, Ciptaan dan Reka Bentuk Peringkat Kebangsaan (IID 2010) di Sungai Petani Inn, Kedah pada 28 hingga 29 Julai 2010 yang lalu.

Sebanyak 126 penyertaan dari tiga kategori yang dipertandingkan iaitu kategori profesional, pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) serta pelajar sekolah seluruh negara mengambil bahagian dalam pertandingan anjuran Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah dengan kerjasama Malaysian Invention and Design Society (MINDS) dan Majlis Reka Cipta Malaysia (MRM).

Pertandingan itu menyaksikan pensyarah dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Abdul Syukor Abdul Razak memenangi pingat emas dalam kategori profesional setelah projek penyelidikan beliau mengenai penggunaan tandan kelapa sawit yang diperam sebagai medium penggalak umpan tiruan makhluk perosak anai-anai menarik perhatian juri.

Selain beliau, tiga pelajar FKASA, Nurul Atiqah Iliyani Malekke, Shafura Abidi dan Nur Amirah Mohamad Tajudin memenangi pingat emas dalam kategori pelajar IPT dengan produk penyelidikan mereka mengenai pemeraman kandungan sisa ikan dan sayur yang dapat mengeluarkan tenaga elektrik.

Pingat perak pula dimenangi oleh Law Dah

Lit dan Norzatulakma Mohd Kodori dengan projek penyelidikan merawat air kumbahan ladang khinzir menggunakan tumbuhan akuatik seperti pokok kiambang dan keladi bunting.

Mohd Jumain Mapplati dan Ahmad Izzudin Abdul Razak memenangi pingat perak dengan projek penyelidikan mengenai sistem bekalan air (Sistem Wasra) dengan pengumpulan air tadahan hujan dan pengepaman air bawah tanah yang dirawat menggunakan bahan semula jadi seperti tandan, tempurung kelapa sawit, tempurung kelapa dan pasir untuk buangan bahan karbon teraktif.

Sementara itu, Thilagawathi A/P Batumalai yang menggunakan kulit bawang sebagai projek penyelidikannya bagi mencegah pengaratan untuk sistem paip bahan buangan industri berjaya mendapat pingat perak.

Pingat gangsa pula dimenangi oleh Bong Siak How dan Siti Hajar Abdol Gani yang menjalankan kajian terhadap penggunaan air kumbahan daripada penternakan ikan bagi penyiraman tanaman landskap.

Menurut Abdul Syukor, kejayaan yang dicapai UMP ini amat membanggakan kerana telah berjaya mencapai seratus peratus menerima pingat dalam projek penyelidikan yang dipertandingkan.

Beliau berharap agar kejayaan ini akan memberi semangat kepada pensyarah untuk terus memberi bimbingan dan mendedahkan pelajar mengenai dunia penyelidikan serta menarik minat terhadap semangat berdaya saing pada masa akan datang.

*Universiti Malaysia
Pahang (UMP)
mencatat kejayaan
apabila meraih
100 peratus
kemenangan
dengan memenangi
anugerah khas bagi
ruang pameran
terbaik, dua pingat
emas, tiga pingat
perak dan satu
pingat gangsa.*

